

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL  
[SEKIJANG]**

**TARIKH : 9 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL [SEKIJANG]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tindakan yang akan diambil oleh pihak kementerian terhadap klinik pergigian kerajaan yang masih lagi di tempatkan di tingkat atas klinik-klinik kesihatan daerah sekali gus akan mendatangkan kesukaran kepada golongan OKU dan warga emas untuk menerima rawatan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Jumlah keseluruhan klinik pergigian kerajaan yang memberi rawatan kepada pesakit luar adalah sebanyak 706 buah klinik yang meliputi Klinik Pergigian (KP) yang berdiri sendiri (*Standalone* -dengan izin), KP di Klinik Kesihatan (KK), KP di Klinik Kesihatan Ibu & Anak, KP di Hospital, KP di Institusi Lain, KP di Pusat Transformasi Bandar (*Urban Transformation Centre* (UTC) - dengan izin) dan KP di Pusat Transformasi Luar Bandar (*Rural Transformation Centre* (RTC) - dengan izin).

2. Daripada jumlah tersebut, **hanya 154 buah KP (21.8%) yang berada di tingkat atas Klinik Kesihatan dan tidak mempunyai kemudahan lif.** Pada dasarnya, peralatan pergigian seperti kerusi pergigian adalah berat dan dilekatkan secara tetap di sesuatu bilik rawatan serta mahal harganya. Oleh itu, dengan meletakkan peralatan pergigian ini ditingkat atas, ianya adalah lebih selamat jika berlaku sebarang bencana alam seperti banjir.

3. Untuk memastikan KP sedia ada mesra dengan golongan OKU dan Warga Emas, kemudahan rawatan pergigian akan ditambahbaik dari masa ke semasa. **Permohonan akan dibuat bagi penambahan sekurang-kurangnya satu bilik rawatan pergigian lengkap di aras bawah bagi Klinik Pergigian yang berada di tingkat atas Klinik Kesihatan dan tiada kemudahan lif.** Walau bagaimanapun, perkara ini adalah tertakluk kepada ruang sedia ada serta kebenaran / kelulusan untuk pengubahsuaian. Bagi fasiliti baharu pula, kemudahan lif telah dimasukkan ke dalam pelan piawai bagi Klinik Pergigian yang berada di tingkat atas Klinik Kesihatan.

Sekian, terima kasih.